



Integriti mesti jadi budaya hidup penjawat awam dan rakyat - TMB Kelantan

Kelantan rintis gubal undang-undang wajibkan nafkah anak kepada ibu bapa

Banjir kali ini berbeza berbanding tahun-tahun sebelumnya - MB Kelantan

Usahawan nadi penggerak ekonomi Kelantan - Menteri Besar

## Sentiasa berwaspada, berpindah lebih awal jika diarahkan – MB Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 23 November - Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud mengingatkan rakyat supaya sentiasa berwaspada dan berpindah lebih awal sekiranya diarahkan pihak berkuasa susulan situasi banjir yang melanda beberapa kawasan di Kelantan sejak semalam.

"Melihat sendiri rakyat terpaksa meninggalkan rumah akibat banjir, benar-benar meruntun jiwa," katanya di laman rasmi ketika menziarahi mangsa-mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS), hari ini.

Beliau mengunjungi PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Pauh Sembilan, SK Tapang dan SK Pengkal Kubor 2 bagi meninjau keadaan semasa serta memastikan kebajikan mangsa terjamin.



Menteri Besar turut mendengar taklimat daripada ketua jajahan mengenai perkembangan terkini banjir dan kemudahan yang disediakan bagi memastikan bantuan disalurkan dengan segera.

"Insya-Allah, kerajaan negeri bersama agensi negeri dan persekutuan akan terus bertungkus-lumus

memastikan keselamatan, kebajikan serta bantuan untuk mangsa dapat disalurkan dengan segera," jelasnya.

Beliau juga menyeru rakyat agar terus berdoa supaya Allah mengangkat ujian banjir ini dan mengurniakan kesejahteraan kepada negeri Kelantan.

“

Insya-Allah, kerajaan negeri bersama agensi negeri dan persekutuan akan terus bertungkus-lumus memastikan keselamatan, kebajikan serta bantuan untuk mangsa dapat disalurkan dengan segera,”

Turut serta dalam lawatan itu ialah Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim, Ahli Dewan Negeri (ADN) Pantai Irama YB Mohd Huzaimy Che Hussin, ADN Tawang YB Harun Ismail dan ADN Jelawat YB Zamari Mat Nawang.





# Integriti mesti jadi budaya hidup penjawat awam dan rakyat - TMB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 26 November - Penjawat awam dan rakyat diseru menjadikan integriti sebagai budaya hidup demi membina sebuah negeri dan negara yang lebih terurus, adil serta diyakini masyarakat antarabangsa.

Seruan tegas itu disampaikan Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan ketika merasmikan Sambutan Hari Integriti Peringkat Negeri Kelantan 2025 di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, pada Selasa.

Beliau mewakili Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud, menegaskan bahawa penghayatan nilai Ubudiyyah, Masu'liyah dan Itqan (UMI) mesti dijadikan asas integriti dalam pentadbiran negeri, kerana hanya melalui kefahaman terhadap nilai tersebut budaya kerja beramanah dapat dibina secara menyeluruh.

"Ubudiyyah menggambarkan jiwa hamba kepada Allah. Masu'liyah pula menuntut kita memikul amanah dengan penuh tanggungjawab, manakala Itqan membawa maksud bekerja dengan cekap dan mencapai hasil yang terbaik. Inilah prinsip integriti yang sebenar," ujarnya.

Dato' Dr. Mohamed Fadzli turut menekankan bahawa usaha memperkukuh integriti tidak boleh



dipisahkan daripada realiti semasa negara.

"Merujuk kepada Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2024, Malaysia berada di tangga ke-57 daripada 180 negara, kedudukan yang kekal sejak tahun lalu.

"Menurut Transparency International Malaysia, bagi mencapai sasaran muncul antara 25 negara paling bebas rasuah menjelang 2033, Malaysia perlu menambah sekurang-kurangnya dua mata CPI setiap tahun.

"Data ini bukan untuk menyalahkan mana-mana pihak, tetapi sebagai dorongan memperbaharui komitmen terhadap usaha memerangi rasuah di semua peringkat," katanya.

Beliau turut menyatakan komitmen kerajaan negeri untuk terus bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) termasuk dalam

memperkukuh mekanisme pamtan dalam dan pamtan integriti di setiap jabatan.

Dalam ucapan itu juga, Timbalan Menteri Besar turut mengingatkan semua jabatan kerajaan agar memastikan setiap aduan salah laku ditangani mengikut prosedur yang ditetapkan, tanpa kompromi.

Sebagai langkah jangka panjang, kerajaan negeri menekankan pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) sebagai alat fleksibel dan berkesan untuk mengesan, mencegah dan menambah baik kawalan antirasuah.

"Melalui ABMS, jabatan perlu membangunkan pelan antirasuah masing-masing, menjalankan penilaian risiko, melatih pegawai sebagai juru audit ABMS serta melaksanakan audit dan pemantauan berkala," jelasnya.

Inisiatif tersebut diyakini dapat

“

Ubudiyyah menggambarkan jiwa hamba kepada Allah. Masu'liyah pula menuntut kita memikul amanah dengan penuh tanggungjawab, manakala Itqan membawa maksud bekerja dengan cekap dan mencapai hasil yang terbaik. Inilah prinsip integriti yang sebenar,”

menguatkan tadbir urus, meningkatkan kepercayaan rakyat dan mengurangkan kerugian akibat penyelewengan, sekali gus menjadikan penyampaian perkhidmatan awam lebih cekap.

Namun beliau mengakui usaha memperkukuh budaya integriti masih berdepan cabaran seperti kekangan kewangan, kekurangan pakar serta kesediaan mental dalam kalangan warga pentadbiran untuk berubah.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar penjawat awam terus menunjukkan teladan integriti dalam penampilan, sikap dan keputusan yang dibuat.

"Integriti mesti dizahirkan dalam tindakan seharian. Hanya dengan semangat ini kita mampu membina negeri dan negara yang lebih terurus dan dipandang tinggi masyarakat antarabangsa," katanya.





# Kelantan rintis gubal undang-undang wajibkan nafkah anak kepada ibu bapa

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA DARULNAIM**, 26 November - Kelantan muncul sebagai negeri perintis yang menggubal undang-undang mewajibkan anak menanggung nafkah ibu bapa, sebagaimana cadangan menteri di peringkat Persekutuan yang menyasarkan pembentangan peruntukan serupa pada Mac tahun hadapan.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata langkah tegas itu dimuktamadkan melalui kelulusan Rang Undang-Undang (RUU) Keluarga Islam 2025 pada Persidangan Dewan Negeri Kelantan penggal ketiga, 12 November lalu.

Menurutnya, Kelantan mengambil pendirian proaktif dalam menangani isu pengabaian warga emas serta memperkukuh tanggungjawab anak dan waris terhadap ibu bapa.

“Melalui peruntukan ini, mah-



kamah boleh memerintahkan anak atau cucu membayar nafkah kepada ibu, bapa, datuk, nenek, moyang dan seterusnya. Waris pusaka turut dipertanggungjawabkan menjaga warga emas yang tidak mempunyai anak,” jelasnya.

RUU Keluarga Islam 2025 mengandungi 11 bahagian, 178 seksyen dan enam jadual, merangkumi pelbagai aspek hukum kekeluargaan Islam termasuk perlindungan golongan rentan dan struktur tanggungjawab keluarga.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im

Mokhtar memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan melalui JKSM sedang memuktamadkan pindaan Undang-Undang Mahkamah Syariah bagi memasukkan peruntukan jelas berkaitan nafkah dan jagaan ibu bapa uzur.

“Kerajaan MADANI menetapkan Mac tahun depan sebagai sasaran pembentangan peruntukan tersebut,” katanya ketika menguglung perbahasan di Dewan Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, YB Mohd Asri menyifatkan tindakan Kelantan itu sebagai usaha awal dan menyeluruh bagi memperkukuh

institusi keluarga.

“Rang undang-undang ini digubal untuk menjaga institusi kekeluargaan, melindungi hak serta tanggungjawab ahli keluarga, menyelesaikan konflik secara adil, melindungi warga emas, wanita dan kanak-kanak, menjaga salasilah keturunan serta memelihara maruah. Ia juga membantu pembangunan sosial selari tuntutan Islam,” katanya.

YB Asri juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Agama atas inisiatif membawa agenda baharu berkaitan kemaslahatan ummah, sebagaimana Kelantan.

## YBM Dato' SUK Kelantan santuni mangsa banjir di PPS SK Sabak



Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 25 November – Mangsa banjir di Sabak dan kawasan berhampiran terus mendapat perhatian kerajaan negeri apabila Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal turun padang melawat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Sabak (SK Sabak) pada Isnin.

PPS yang mula beroperasi se-

jak 22 November itu menempatkan 312 mangsa daripada penduduk sekitar yang terjejas akibat banjir.

Dalam lawatan tersebut, Dato' Tengku Mohamed Faziharudean turut menyerahkan bakul sumbangan kepada para mangsa. Turut hadir mengiringi beliau ialah Ketua Jajahan Kota Bharu Rusydee Abdullah; Guru Besar SK Sabak Md Zidee Yusmi Yusoff serta pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menurutnya, kawasan yang terjejas dengan banjir melibatkan



penempatan berhampiran pantai, manakala daerah di bahagian selatan atau hulu Kelantan masih belum mengalami banjir.

“Kawasan atau daerah yang paling banyak membuka PPS ketika ini ialah Kota Bharu dengan 19 buah PPS,” katanya.

Beliau turut menasihatkan penduduk Kelantan yang tinggal berhampiran kawasan pantai supaya sentiasa berwaspada berikutan ramalan hujan lebat dan keadaan laut bergelora sehingga 26 Novem-

ber. “Jika ada arahan berpindah daripada pihak berkuasa termasuk JPS, hendaklah segera berpindah,” tegasnya.

Mengulas mengenai keperluan bantuan, beliau menjelaskan bahawa stok bantuan mencukupi dan berada dalam keadaan bersedia.

“Kita di peringkat negeri juga telah mengadakan beberapa mesyuarat persediaan bagi menghadapi musim tengkujuh. Semua jabatan telah bersiap siaga untuk menghadapi banjir tahun ini.

“Oleh kerana banjir kali ini disebabkan hujan lebat berterusan serta masalah saliran, kita berharap selepas hujan berhenti, air akan cepat surut,” katanya.

Untuk rekod, sehingga pukul 4 pagi tadi, sebanyak 38 PPS dibuka di empat daerah di Kelantan, melibatkan 9,986 mangsa daripada 364 keluarga. Daerah terlibat ialah Bachok (13 PPS), Kota Bharu (19 PPS), Tumpat (7 PPS), dan Pasir Puteh (1 PPS).



# Banjir kali ini berbeza berbanding tahun-tahun sebelumnya - MB Kelantan



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 24 November — Situasi banjir yang melanda Kelantan tahun ini disifatkan berbeza sama sekali berbanding kebiasaan, menurut Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Menurutnya, kebiasaan banjir di Kelantan berlaku apabila hujan

berterusan melanda kawasan hulu seperti Gua Musang dan Kuala Krai, sebelum aliran air meningkat dan menyebabkan paras Sungai Kelantan naik, sekali gus memberi kesan kepada kawasan hilir seperti Kota Bharu dan Pasir Mas.

“Begitu juga dengan kawasan sepanjang Sungai Golok yang bermula di Jeli dan berakhir di Rantau Panjang serta Tumpat,” katanya menerusi media sosial, pada

Ahad.

“Namun, keadaan kali ini amat berbeza apabila hujan lebat hanya tertumpu di kawasan hilir, menyebabkan beberapa daerah seperti Kota Bharu, Tumpat dan Bachok dilanda banjir lebih awal daripada kebiasaannya.

“Insya-Allah, kerajaan negeri bersama agensi negeri dan Persekutuan akan terus bertungkus-lumus memastikan keselamatan,

kebaikan dan bantuan untuk para mangsa dapat disegerakan,” ujarnya.

Dalam masa yang sama, beliau turut menyeru supaya rakyat sentiasa berwaspada, mematuhi arahan pemindahan awal apabila diperlukan serta memberikan kerjasama demi memastikan keselamatan bersama.

“Semoga Allah melindungi kita semua daripada segala musibah dan mengurniakan kekuatan dalam menghadapi ujian ini. Amin,” doanya.

Terdahulu, Menteri Besar mengadakan lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Pengkalan Kubor 2 bagi meninjau keadaan mangsa serta pengurusan bantuan di lokasi berkenaan.

Selain itu beliau turut menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada mangsa banjir yang dipindahkan ke PPS tersebut.

## Banjir Kota Bharu: MB turun padang santuni mangsa di PPS Tapang

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 24 November — Suasana di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Tapang bertambah ceria dengan gelagat kanak-kanak yang baharu dipindahkan selepas rumah mereka dinaiki air berikutan banjir yang melanda kawasan tersebut.

“Pokcik, mujur kito dey lari mari ssini. Umoh kito naik air doh” celoteh seorang kanak-kanak kepada Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, sebagaimana dikongsikan beliau menerusi media sosial, pada Ahad.

Menurutnya, keletah kanak-kanak di PPS tersebut sedikit sebanyak menghilangkan kepenatan para petugas serta memberi keceriaan kepada semua mangsa yang berada di pusat pemindahan.

“Adik-adik duduk molek deh. Nanti Pokcik suruh orang jamu makan sedak-sedak,” ujarnya ketika menyantuni mangsa banjir.

Menteri Besar melakukan la-



watan ke PPS Tapang dan menerima laporan ringkas daripada Ketua Jajahan Kota Bharu Rusydee Abdullah mengenai jumlah mangsa yang terjejas, PPS yang telah dibuka serta tindakan yang sedang

dilaksanakan oleh pihak berkuasa.

Dalam pada itu, beliau juga mengambil peluang menyantuni dan menyampaikan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus membantu mangsa banjir, sambil mendoakan agar segala usaha mereka mendapat ganjaran daripada Allah SWT.



# Penghuni PPS dinasihati jaga ibadat, aurat – YB Mohd Asri

Oleh: Syamimi Manah

**KUBANG KERIAN**, 25 November - Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud Mangsa menasihati semua mangsa banjir khususnya di DUN Demit supaya sentiasa menjaga ibadat dan aurat sepanjang tempoh mereka menghuni di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Beiau yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Demit menyampaikan nasihat dan pesanan ketika menziarahi mangsa banjir di tiga PPS iaitu Sekolah Kebangsaan Mentera (123 mangsa), Dewan Masjid at-Taqwa Pulau (87



mangsa) dan Sekolah Kebangsaan Kubang Kerian 2 (198 mangsa), petang semalam.

Pada kesempatan itu, YB Mohd Asri juga bertanya khabar mangsa serta memastikan keperluan asas

mereka terjamin sepanjang berada di pusat pemindahan.

“Harapan saya agar semua mangsa dapat menjaga ibadat dengan sempurna, menutup aurat dan sentiasa berdoa agar Allah kur-



niakan rahmat-Nya. Saling bantu-membantu antara satu sama lain, insya-Allah diberkati dan dikurniakan gantian yang lebih baik,” katanya menerusi laman rasmi, pada Isnin.

## Kebajikan mangsa banjir dipastikan pada tahap terbaik, 37 PPS beroperasi - Exco Kebajikan



Oleh: Syamimi Manah

**KOTA DARULNAIM**, 24 November - Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita terus komited bagi memastikan kebajikan mangsa berada pada tahap terbaik sepanjang Monsun Timur Laut 2025/2026.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, lawatan kerja yang diadakan pada 23 dan 24 November bertujuan memastikan setiap keperluan mangsa serta aspek pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) berada dalam keadaan optimum.

Menurutnya, setakat pukul 2.00 petang tadi, empat daerah di Kelantan terlibat banjir dengan 37 PPS dibuka. Sebanyak 9,180 mangsa

daripada 3,386 keluarga direkodkan berada di pusat pemindahan.

Antara PPS yang telah dilawati ialah SK Pauh Sembilan, SK Pa' Pura, SK Jelawat, SK Seri Tumpat 2 dan SK Kubang Batang pada 23 November. Manakala SK Islah dan SK Chempaka pada 24 November.

“Lawatan ini memberi fokus kepada penilaian keperluan asas termasuk makanan, kelengkapan tidur, lampin bayi, tuala wanita dan ubat-ubatan selain memastikan aspek sanitasi, pengurusan keselamatan dan penyelesaian mangsa dipantau secara berterusan.

“Tumpuan turut diberikan kepada golongan rentan seperti kanak-kanak, warga emas, OKU dan wanita hamil” katanya melalui kenyataan rasmi, hari ini.

Katanya lagi, semua PPS be-

rada dalam keadaan terus hasil kerjasama erat antara JKM, agensi keselamatan dan pihak pengurusan pusat pemindahan.

“Proses pendaftaran mangsa di PPS berjalan lancar melalui aplikasi InfoBencana JKM yang mempercepatkan semakan data dan penyelarasan bantuan,” ujarnya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada rakyat Kelantan yang semakin cakna soal keselamatan.

“Setakat ini, tiada kes lemas akibat kelalaian dilaporkan. Ini menunjukkan kesedaran tinggi dalam kalangan keluarga untuk menjaga keselamatan anak-anak, warga emas dan ahli keluarga masing-masing.

“Paras air sungai di beberapa jajahan masih pada tahap berjaga-jaga dan pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa oleh agensi bertanggungjawab” ujarnya.

Dato' Rohani turut merakamkan penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan dan masyarakat setempat atas usaha berterusan membantu mangsa banjir.

“Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pusat Khidmat DUN, agensi keselamatan serta sukarelawan terus bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan gelombang susulan,” katanya.

Dato' Rohani juga berterima kasih kepada pihak pengurusan sekolah yang memberi kerjasama baik dalam memastikan kelancaran operasi PPS dan kesejahteraan mangsa banjir.





# Dato' Mumtaz tinjau mangsa banjir di Tumpat sejurus pulang dari luar negara

Oleh: Syamimi Manah

**TUMPAT**, 26 November - Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawwaj yang baru kembali dari Pakistan selepas menerima anugerah Women as Architect of Change sempena Himpunan Jamiat Islami di Lahore, Pakistan terus bergegas ke lokasi banjir bagi meninjau kebajikan mangsa di beberapa Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Beliau sempat melawat tujuh PPS iaitu SK Pengkalan Kubor 2, SMK Geting, SK Tumpat 1, SK Tumpat 2, SK Berangan 1, SK Kutan dan SK Kubang Batang, Wakaf Bharu pada 24 dan 25 Oktober.

Dato' Mumtaz menzahirkan penghargaan terhadap komitmen tinggi semua petugas yang membantu menguruskan pemindahan dan keselamatan mangsa.



“Hati ini sangat tersentuh melihat kesungguhan semua yang membantu operasi pemindahan dan penyelamatan mangsa banjir. Terima kasih. Setiap titik peluh kalian sangat bermakna,” katanya di laman rasmi, semalam.

Beliau turut menitipkan doa dan kata semangat buat mangsa di PPS.

“Buat semua mangsa banjir, semoga Allah SWT memberi kekuatan dan ketenangan dalam melalui saat sukar ini. Moga setiap langkah kalian dipermudahkan.”

Dalam lawatan tersebut, Dato' Mumtaz turut menghulurkan sedikit bantuan makanan dan minuman untuk digunakan di PPS.

“Kak Taz juga menghulurkan



sedikit bantuan untuk makanan dan minuman di PPS. Tidak banyak, tapi cukup untuk sama-sama berkongsi beban dan memberikan sedikit lega di tengah kesusahan,” ujarnya.

Beliau berharap seluruh penduduk Tumpat kekal tabah dan terus berhati-hati sepanjang fasa banjir tahun ini.

## Datuk Marzuk rakam penghargaan kepada petugas barisan hadapan di PPS



Oleh: Syamimi Manah

**PENGKALAN CHEPA**, 25 November – Ahli Parlimen Pengkalan Chepa YB Datuk Dr. Ahmad Marzuk Shaary merakamkan penghargaan kepada barisan hadapan seperti anggota Jabatan Amal Malaysia serta semua agensi kerajaan yang bertungkus-lumus membantu mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sekitar Pengkalan Chepa.

Beliau menzahirkan penghargaan khas kepada semua agensi kerajaan dan sukarelawan yang konsisten bersemangat membantu mangsa walaupun berdepan cabaran besar.

“Bukan mudah menguruskan ribuan mangsa dalam satu tem-

pat, namun komitmen dan kepatutan mereka jelas membuktikan keikhlasan dalam berkhidmat,” katanya menerusi laman rasmi pada Ahad.

Datuk Marzuk turut turun padang menziarahi beberapa PPS dalam kawasan Pengkalan Chepa bagi meninjau keadaan mangsa dan operasi penyaluran bantuan di peringkat lapangan.

“Sebaik tiba di Pengkalan Chepa kami terus bergerak ke PPS tanpa berlangah. Dari petang hingga larut malam, mangsa-mangsa banjir disantuni, diberi perhatian dalam suasana serba terbatas yang sedang mereka lalui,” katanya.

Antara PPS yang dikunjungi ialah SMK Raja Sakti, SK Kedai Buloh 1, SK Sering, SK Tapang, SK

Sabak dan SK Parang Puting.

“Di bilik PPS, anak-anak yang terpaksa meninggalkan rumah tetap tersenyum apabila disantuni oleh petugas Pusat Khidmat Pengkalan Chepa. Sedikit buah tangan yang dibawa, walaupun sederhana,

na, turut menceriakan suasana dan menghiburkan mereka” ujarnya.

Beliau berharap agar semua mangsa banjir terus diberi kekuatan, dipermudah urusan serta sentiasa berada dalam lindungan Allah SWT.





# Bachok banjir: Ahli Parlimen rakam penghargaan kepada semua pihak

Oleh: Syamimi Manah

**BACHOK**, 24 November – Ahli Parlimen Bachok YB Mohd Syahir Che Sulaiman merakamkan penghargaan kepada semua agensi dan individu yang terlibat dalam membantu mangsa banjir di daerah itu.

Menurutnya, Bachok ialah daerah pertama di Kelantan dilanda banjir tahun ini.

“Setakat semalam, lima Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dibuka, dengan jumlah penduduk yang berpindah semakin meningkat. Beberapa PPS tambahan dijangka akan dibuka bagi menampung penduduk yang terjejas.

“Penghargaan kepada semua agensi yang terlibat dalam operasi memindah dan menyelamatkan, termasuk di bawah penyelarasan



Ketua Jajahan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Bomba, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Penggawa,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Beliau turut menzahirkan penghargaan terhadap kerjasama mas-

arakat setempat, termasuk Ahli Dewan Negeri (ADN), penghulu, pasukan sukarelawan, KHIDMAT Malaysia Bachok, dan Pasukan Pusat Khidmat DUN yang sentiasa berada di barisan hadapan untuk menghulurkan bantuan.

“Terima kasih juga kepada YAB Menteri Besar Kelantan dan YB Exco Kebajikan yang telah

menyantuni mangsa banjir di PPS SK Pauh Sembilan, sedikit sebanyak dapat meringankan beban penduduk yang terjejas,” jelasnya.

YB Syahir turut menasihatkan semua warga Bachok khususnya calon-calon SPM agar sentiasa waspada dengan keadaan sekitar dan mematuhi arahan pihak berkuasa.



## Kelantan gabungkan Sambutan Hari Integriti dan HARA



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 25 November - Sambutan Hari Integriti Peringkat Negeri Kelantan 2025 berlangsung lebih istimewa apabila diraikan bersama Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) yang disambut pada 9 Disember setiap tahun.

Timbalan Menteri Besar YB Dato’ Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata penggabungan dua sambutan itu memperlihatkan kesungguhan kerajaan negeri dalam memperkukuh nilai integriti selaras usaha membanteras rasuah secara berterusan.

Beliau berkata, sejak 2009, Hari Integriti Kebangsaan diraikan pada 5 November pada setiap tahun bagi membudayakan integriti sebagai cara hidup rakyat Malaysia, bertepatan penggubalan Pelan In-

tegriti Nasional.

“Di Malaysia, semua agensi kerajaan serta badan utama negara turut menyambut Hari Anti Rasuah Antarabangsa bagi menguatkan usaha pencegahan rasuah di semua peringkat,” katanya pada majlis tersebut.

Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili Menteri Besar bagi merasmikan Sambutan Hari Integriti Peringkat Negeri Kelantan 2025 di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Katanya, tema sambutan tahun ini, ‘Integriti Teras Kesejahteraan Negara.’

Beliau juga menegaskan bahawa kemajuan sesebuah negeri bukan bergantung kepada pembangunan fizikal semata-mata tetapi dipacu kekuatan moral, etika dan rasa tanggungjawab dalam kalen-



gan penjawat awam serta masyarakat.

Katanya, integriti bukan sekadar amanah, malah merangkumi kejujuran, sahsiah dan keselarasan antara percakapan dengan perbuatan.

“Kita di Kelantan sangat menyanjung nilai ini kerana ia memberi panduan untuk terus memelihara dan menjunjung integriti,” ujarnya.

Menurutnya, negara barat mengutamakan moral dan undang-undang, namun bagi umat Islam, akhlak membawa maksud lebih luas meliputi tanggungjawab terhadap Allah, manusia dan alam sekitar.

“Undang-undang pula berperanan menjaga keamanan dan ketenteraman awam serta memastikan nilai integriti dan sahsiah diri dipe-

lihara,” katanya.

Tambahnya, sambutan itu turut memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap dasar pentadbiran negeri berteraskan Ubudiyah, Mas’uliyah dan Itqan (UMI).

Dalam majlis tersebut, Timbalan Menteri Besar turut menyampaikan Sijil Pengurusan Anti Rasuah kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan yang diterima oleh Setiausaha Kerajaan Negeri YBM Tengku Kaya Perkas, Dato’ Tengku Mohamed Fazharudean Al-Haj Tengku Feissal.

Dato’ Dr. Mohamed Fadzli turut menyampaikan Sijil Anugerah Perlaksanaan Inisiatif Tatakelola Baik (PIBT) kepada Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Majlis Daerah Tumpat (MDT), Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM), Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam (MDB-BPI), Majlis Daerah Jeli (MDJ) dan Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT).

Hadir sama, mantan Menteri Besar YB Ustaz Dato’ Bentara Kanan Ahmad Yakob, Penasihat Undang-Undang Negeri YB Dato’ Idham Abdul Ghani, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Negeri (ADN) dan Ketua-ketua Jajahan.



# SK Pauh Sembilan jadi PPS pertama dibuka di Bachok



Oleh: Syamimi Manah

**BACHOK**, 22 November - Pusat Pemindahan Sementara (PPS) pertama yang dibuka di Bachok susulan peningkatan paras air ialah PPS SK Pauh Sembilan dan mula beroperasi pada semalam.

Pengerusi Khidmat Malay-

sia Bachok YB Haji Mohd Huzaimy Che Hussin hadir meninjau keadaan mangsa bagi memastikan kebajikan mereka terjamin.

Menurutnya, sebanyak 62 mangsa dan 16 keluarga ditempatkan di situ, setakat tengahari hari ini.

“Saya melawat PPS pertama di

SK Pauh Sembilan yang menempatkan 62 mangsa dan 16 keluarga. Mangsa yang ditempatkan terdiri daripada penduduk kampung sekitar Kampung Budi,” katanya di laman rasmi, hari ini.

Dalam tinjauan itu, beliau turut bertanya khabar seorang pelajar yang bakal menduduki peperiksaan

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), yang mengalami kecederaan di tangan sebelum ke PPS.

Beliau menegaskan komitmennya untuk terus mendapatkan laporan perkembangan semasa di PPS dan memastikan bantuan keperluan asas disalurkan dengan teratur, meliputi makanan, kebersihan, keperluan harian serta sokongan kepada keluarga yang terjejas.

“Terima kasih kepada pihak sekolah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Kelantan (APM) yang sentiasa memberikan kerjasama dan membantu menguruskan PPS dengan baik,” ujarnya.

## Tujuh PPS di DUN Kelaboran hampir penuh, persiapan dipertingkatkan

Oleh: Syamimi Manah

**TUMPAT**, 24 November – Keadaan banjir di DUN Kelaboran kini pada tahap berjaga-jaga apabila tujuh Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang beroperasi hampir penuh dan telah tutup pendaftaran.

Menurut Ahli Dewan Negeri (ADN) Kelaboran YB Mohd Adanan Hassan, tujuh PPS yang sedang beroperasi ialah SK Sri Tumpat 1, SK Sri Tumpat 2, SK Tumpat, SK Kok Keli, SK Berangan 1 dan SK Berangan 2.

“Setakat ini semua PPS hampir penuh dan telah ditutup penyertaan untuk mangsa banjir. Kita juga sedang bersedia untuk membuka PPS di SMK Tumpat sekiranya ada pertambahan mangsa banjir” katanya ketika ditemui, hari ini.

Beliau turut menjelaskan bahawa urusan pengurusan makanan di PPS berjalan lancar dengan kerjasama penghulu-penghulu di setiap mukim.

“Pasukan memasak di PPS sedia berkhidmat. Kita dapat kerjasama daripada penghulu-penghulu. Setiap penghulu ada pasukan memasak masing-masing. Kita tengok PPS dibuka di mukim mana, jadi penghulu itulah yang akan bertugas dan cari pasukan memasak,” katanya lagi.



Tambahnya, barang masakan dibekalkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), manakala tukang masak telah menerima suntikan wajib sebagaimana syarat keselamatan yang ditetapkan.

Beliau yang juga merupakan Pengerusi Khidmat Malaysia

Tumpat memaklumkan bahawa Khidmat Malaysia Tumpat akan melancarkan kutipan dana bagi menggalakkan masyarakat membantu mangsa banjir.

“Dana tersebut akan digunakan untuk operasi mencuci gotong rumah mangsa serta

penyediaan barangan asas kepada mangsa-mangsa banjir,” ujarnya.

Beliau berkata setakat ini pihaknya telah membeli sebuah bot berukuran 24cm panjang dan 8cm lebar sebagai persiapan kerja-kerja menyelamat serta agihan bantuan kepada penduduk terjejas.



# ADN Chempaka terus pantau mangsa banjir, empat PPS beroperasi

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU**, 23 November - Ahli Dewan Negeri (ADN) Chempaka YB Nik Bahrum Nik Abdullah terus turun padang meninjau keadaan mangsa banjir selepas empat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) kini beroperasi dalam kawasan DUN Chempaka.

Menurut beliau, dua PPS awal telah dibuka di Sekolah Kebangsaan (SK) Sabak dan SK Parang Puting, sebelum dua lagi PPS baharu dibuka hari ini iaitu di SK Kem Pengkalan Chepa dan SK Seri Chempaka bagi menampung pertambahan mangsa.

“Terima kasih dan syabas kepada semua penghulu mukim serta pasukan di bawah penggawa masing-masing yang bergerak cepat menguruskan pemindahan dan memastikan keselamatan penduduk.

“Saya sendiri telah turun membuat tinjauan awal untuk melihat



apa yang boleh dibantu segera oleh Pejabat DUN,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi.

YB Nik Bahrum turut memaklumkan bahawa beliau telah melakukan tinjauan selama dua hari di SK Sabak dan SK Parang Puting

bersama pasukan Pusat Khidmat DUN Chempaka bagi menyantuni para mangsa.

“Sejak awal pembukaan PPS, saya telah turun memantau keadaan bagi memastikan kebajikan, keselamatan dan keperluan asas mangsa

sentiasa terjaga,” ujarinya.

Beliau turut mendoakan agar hujan segera reda dan keadaan kembali pulih seperti sediakala serta memohon orang ramai mendoakan keselamatan semua mangsa banjir.

## Kemudahan awam rosak akibat hakisan, kerajaan negeri ambil tindakan segera



“Keadaan tersebut menimbulkan kebimbangan kerana risiko hakisan dijangka meningkat jika tidak ditangani segera. Hentaman kuat ombak musim tengkujuh telah menyebabkan beberapa kemudahan kiosk runtuh dan mengalami kerosakan teruk,” katanya menerusi media sosial, pada Rabu.

Beliau turut memaklumkan bahawa pihaknya telah mengarahkan Ketua Jajahan untuk mengemukakan permohonan melibatkan kerja-kerja pencegahan hakisan pantai sebagai tindakan segera.

“Insya-Allah, Kerajaan Negeri Kelantan akan berusaha secepat mungkin untuk mengawal dan mencegah hakisan daripada menjadi lebih parah,” ujarinya.

Beliau turut berharap agar semua urusan dipermudah dan keadaan di Pantai Bisikan Bayu kembali pulih seperti sediakala demi keselamatan serta kesejahteraan penduduk setempat.

Terdahulu beliau menziarahi mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Dalam Rhu, Pasir Puteh.

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 27 November - Beberapa kemudahan awam di Pantai Bisikan Bayu, Pasir Puteh mengalami kerosakan serius selepas kawasan itu dilanda hakisan teruk akibat hentaman om-

bak musim tengkujuh.

Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, beliau bersama Ketua Jajahan Pasir Puteh Mohd Kamarulzaman Ab Wahab bergegas ke tempat kejadian

setelah mendapat maklumat berlaku hakisan di pantai tersebut bagi meninjau kawasan yang terjejas.

Katanya, terdapat beberapa kiosk runtuh serta rosak teruk akibat ombak kuat yang melanda sejak beberapa hari lalu.



# Usahawan nadi penggerak ekonomi Kelantan - Menteri Besar

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU, 22 November** - Usahawan merupakan nadi yang menggerakkan pembangunan ekonomi negeri Kelantan, kata Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud.

Beliau berkata, usaha gigih dan komitmen para usahawan telah membawa impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negeri, sekali gus memastikan Kelantan terus berdaya saing serta mampu memperkukuh kemakmuran rakyat.

"Pada kesempatan ini saya merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua usahawan.

"Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa komited memperkukuh ekosistem keusahawanan dan merangsang pertumbuhan ekonomi agar setanding dengan negeri-negeri lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Malam Gala Usahawan Kelantan 2025 di sebuah hotel di sini malam Sabtu.

Menurut Menteri Besar lagi, para usahawan adalah duta negeri yang mencerminkan keberanian, kegigihan dan daya tahan. Kejayaan mereka bukan sahaja mengharumkan nama Kelantan, malah membuka peluang pekerjaan serta menjana pendapatan baharu kepada rakyat.

"Tahniah kepada usahawan Kelantan yang telah membawa

nama negeri ke pentas antarabangsa termasuk penyertaan di Ekspo 2025 Osaka Jepun serta platform dagang SME Venture@ASEAN 2025 sempena ASEAN Summit yang berlangsung di negara ini," katanya.

Tambah beliau, usahawan merupakan aset penting negeri dan perlu terus dibangunkan. Keupayaan mereka menembusi pasaran luar negara membuktikan produk tempatan berdaya saing dan berkualiti global, seterusnya membuka peluang ke pasaran Asia, Timur Tengah dan Asia Tengah dengan sokongan kerajaan negeri.

Justeru, katanya, beberapa aspek penambahbaikan diberi perhatian termasuk penyelarasan dasar keusahawanan melalui Majlis Pembangunan Usahawan Kelantan, selain memastikan bantuan kepada usahawan yang berimpak tinggi, fokus dan bukan sekadar bantuan sekali beri.



Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa komited memperkukuh ekosistem keusahawanan dan merangsang pertumbuhan ekonomi agar setanding dengan negeri-negeri lain,"

"Kita mahu melihat hasil yang berterusan dan bermanfaat. Pembangunan usahawan juga perlu menekankan digitalisasi, latihan perniagaan, akses pasaran serta pengurusan kewangan yang berdisiplin untuk meningkatkan kompetensi pengurusan secara lebih sistematik," ujarnya.

Kerajaan juga mahu mewujudkan Sistem Tingkap Tunggal, iaitu platform digital pusat yang memudahkan urusan dengan pelbagai agensi kerajaan.

"Sistem ini akan memudahkan usahawan mengakses maklumat, bimbingan dan perkhidmatan tanpa kekangan birokrasi," jelasnya.

Menteri Besar turut berpesan agar usahawan sentiasa meningkatkan takwa kepada Allah SWT dalam setiap urusan perniagaan.

"Hujung jatuh segala yang dilakukan adalah berkaitan dosa dan pahala. Dari sinilah lahir keber-

katan rezeki," katanya.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada usahawan, penyerahan cek curi kepada syarikat yang menyertai SME Venture@ASEAN 2025, serta penghargaan kepada peserta Ekspo 2025 Osaka dan penerima terawal Skim Mikro Kredit Usahawan Negeri Kelantan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Fazi-harudean Al-Haj Tengku Feissal, Penasihat Undang-Undang Negeri YB Dato' Idham Abdul Ghani, Pegawai Kewangan Negeri YB Dato' Rosnazli Amin, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman serta timbalannya YB Nasrif Daud Yatimi.





KEBERKATAN

# PKB-Maybank Investment meterai perjanjian Sukuk Wakalah RM300 juta, bukti keyakinan institusi kewangan terhadap ekonomi Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 21 November – Perjanjian Program Terbitan Sukuk Wakalah bernilai RM300 juta antara Permodalan Kelantan Berhad (PKB) anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), dengan Maybank Investment Bank Berhad membuktikan keyakinan institusi kewangan arus perdana terhadap potensi serta kestabilan ekonomi negeri Kelantan.

Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, pemeteraian perjanjian itu menjadi tanda kepercayaan pasaran modal terhadap hala tuju pembangunan negeri.

“Perjanjian ini merupakan satu pengiktirafan bahawa syarikat berkaitan kerajaan negeri (GLC) seperti PKB mampu bergerak seiring dengan pemain utama industri Ar-Rahnu di Malaysia. Ini juga menunjukkan bahawa model ekonomi Islam yang dibawa oleh Negeri Kelantan mampu bersaing dalam pasaran kewangan arus perdana setanding negeri-negeri lain,” katanya ketika berucap pada majlis menandatangani perjanjian tersebut di sebuah hotel di sini hari ini.

Menurutnya, kerajaan negeri berharap Program Sukuk Wakalah



PKB dapat menjadi landasan pembinaan ekosistem pelaburan yang lebih tersusun, bertanggungjawab dan berdaya tahan di Kelantan.

Jelasnya lagi, kejayaan PKB melaksanakan program berkenaan menunjukkan kematangan serta keseriusan syarikat itu dalam meneroka pasaran modal secara profesional.

“Saya juga berharap inisiatif ini membuka laluan kepada lebih banyak terbitan instrumen patuh Syariah bagi pembiayaan projek-projek pembangunan strategik negeri pada masa hadapan,” katanya.

Tambahnya, kejayaan tersebut bukan hanya menunjukkan kemampuan PKB sebagai agensi pelaburan negeri, tetapi turut memberi isyarat positif kepada ke-

seluruhan ekosistem pembangunan ekonomi yang digerakkan kerajaan negeri.

“Impak penerbitan Sukuk ini memberikan gambaran jelas bahawa pentadbiran negeri berada pada landasan yang tepat serta terus bergerak secara efisien, telus dan profesional selaras dengan prinsip tadbir urus yang baik.

“Penerbitan Sukuk ini menjadi permulaan kepada potensi yang lebih besar. Kita yakin kompetensi ini boleh dimanfaatkan untuk menerbitkan sukuk baharu, termasuk sukuk lestari bagi tujuan ekonomi strategik negeri seperti pembangunan kawasan perindustrian lestari, perladangan mampan, tenaga boleh baharu dan pengurusan mineral lestari di Kelantan,” ujarinya.

“

Perjanjian ini merupakan satu pengiktirafan bahawa syarikat berkaitan kerajaan negeri (GLC) seperti PKB mampu bergerak seiring dengan pemain utama industri Ar-Rahnu di Malaysia. Ini juga menunjukkan bahawa model ekonomi Islam yang dibawa oleh Negeri Kelantan mampu bersaing dalam pasaran kewangan arus perdana setanding negeri-negeri lain,”

Majlis menandatangani perjanjian tersebut menyaksikan PKB diwakili Ketua Pegawai Eksekutif PKINK Dato' Sr. Zamri Ismail serta Pengurus Besar PKB Hassan Shukri Hussein. Maybank pula diwakili Ketua Perbankan Korporat Malaysia Anuar Awang dan Ketua Pasaran Modal Hutang Maybank Investment Bank Sarina Dalik.

Turut hadir, mantan Menteri Besar merangkap Pengerusi PKB YB Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob, Pegawai Kewangan Negeri YB Dato' Rosnazli Amin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbankan Islam dan Maybank Islamic Berhad Mohamad Yasin Abdullah serta Ahli Parlimen Kota Bharu YB Dato' Seri Takiyuddin Hasan.





# Perniagaan medan pembentukan akhlak mulia -MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU, 23 November** – Keusahawanan dalam Islam lebih dekat dengan istilah berniaga dan ia menjadi antara usaha yang sangat digalakkan sebagai medan pembentukan akhlak mulia, integriti dan keberkatan rezeki, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Menurutnya, Rasulullah SAW sendiri merupakan seorang usahawan berjaya yang terkenal dengan akhlak terpuji, amanah dan disiplin sehingga digelar al-Amin kerana tingginya integriti baginda.

“Sebab itu budaya berniaga bukan sahaja menjadi ruang pengukuhan ekonomi tetapi juga menjadi medan pembentukan akhlak mulia, integriti dan keberkatan rezeki,” katanya ketika merasmikan Malam Gala Usahawan Kelantan 2025 di sebuah hotel di sini, pada Jumaat.

Beliau turut memetik sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Berniagalah kamu kerana sesungguhnya melalui perniagaan itu, Allah sediakan pintu rezeki sebanyak 90 peratus.”



Jelasnya, hadis tersebut menunjukkan betapa luasnya pintu rezeki yang disediakan Allah melalui bidang perniagaan serta galakan Islam agar umatnya berusaha sendiri dalam mencari pendapatan.

Mengulas hala tuju ekonomi negeri, Menteri Besar berkata Kerajaan Negeri Kelantan kini memberi tumpuan kepada lima fokus utama dalam memperkukuh ekosistem ekonomi negeri.

Lima fokus utama tersebut meliputi pelaburan berkualiti yang mampu menyediakan peluang pekerjaan bernilai tinggi kepada rakyat iaitu pembangunan industri moden berasaskan teknologi termasuk

sektor digital, pemerkasaan perusahaannya kecil dan sederhana (PKS) serta usahawan mikro sebagai tulang belakang ekonomi rakyat, pengukuhan modal insan melalui laluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang merangkumi latihan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat serta pembangunan ekonomi digital dan inovasi bagi memastikan Kelantan kekal berdaya saing di peringkat nasional dan global.

Kelima-lima fokus itu, katanya, menjadi teras strategi ekonomi negeri ke arah mewujudkan Kelantan yang lebih sejahtera, makmur dan berdaya tahan.



“Tumpuan kita bukan sahaja pada perniagaan tetapi juga kepada pembangunan industri dan tenaga kerja tempatan. Kerajaan negeri ingin melihat anak-anak Kelantan memperoleh peluang pekerjaan yang baik, berkemahiran tinggi dan menerima gaji setimpal,” katanya.

Sehubungan itu, kerajaan negeri sedang memperkukuh pepadanan kepakaran antara industri dan institusi TVET bagi memastikan latihan kemahiran moden, pendedahan teknologi baharu serta peluang pekerjaan dapat dimanfaatkan melalui kemasukan pelaburan berkualiti ke dalam negeri.

## Makanan Kelantan murah, catat inflasi terendah



Oleh: Syamimi Manah

**KOTA DARULNAIM, 27 November** - Kelantan muncul sebagai negeri dengan kos makanan paling rendah di Malaysia apabila Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merekodkan kadar inflasi di Kelantan hanya 0.1 peratus bagi Oktober 2025 berbanding graf pada September ialah 0.5 peratus dan meru-

pakan terendah di seluruh negara.

Data DOSM menunjukkan enam negeri mencatatkan inflasi melebihi kadar nasional 1.3 peratus, iaitu Johor (1.9 peratus), Negeri Sembilan (1.7 peratus), Selangor (1.6 peratus), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1.6 peratus), Melaka (1.4 peratus) dan Terengganu (1.4 peratus).

Mengulas perkembangan itu,

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md. Nor, menyifatkan dapatan tersebut sebagai satu petunjuk positif terhadap budaya perniagaan di negeri ini.

“Ya, syukur atas fakta yang dikeluarkan oleh DOSM pada 21 November lepas. Terima kasih kepada para peniaga makanan dan lain-lain perkhidmatan atas kesedaran mereka untuk tidak mengaut untung yang berlebihan di samping menjaga kualiti yang dilestari-kan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, hasil kefahaman para peniaga tentang keberkatan rezeki dapat diperolehi dengan memperbanyakkan infak melalui jualan menjadikan kos sara hidup di Kelantan terus kekal rendah dan mampu milik untuk semua lapisan masyarakat.

“Budaya peniaga di Kelantan

memang turun-temurun suka memberi lebih atau mengambil untung yang sedikit sahaja dalam jual-beli. Contohnya, sejak zaman dulu kala lagi budaya ini diamalkan. Orang tua-tua dulu bercerita, kalau kita beli seikat sayur pucuk manis, penjual hadiahkan segenggam taueh. Sikap pemurah ini sudah sebatian dengan peniaga kita. Sampai sekarang masih diamalkan. Dengan demikian, kos sara hidup di Kelantan menjadi yang sangat berpatutan untuk semua berbanding negeri-negeri lain di negara kita,” ujarnya.

Menurutnya, kelebihan itu bukan sahaja memanfaatkan penduduk setempat bahkan memberi kesan langsung kepada sektor pelancongan.

“Dari sudut pelancongan, keadaan ini amat menggalakkan para pelancong dan pengunjung untuk berulang kali datang ke Kelantan,” jelasnya.



# Tanpa integriti, kepercayaan rakyat terhakis –YBM Dato' SUK

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 26 November - Integriti menjadi penentu utama kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan awam, dan tanpa amalan nilai tersebut, imej kerajaan akan tercalar serta keyakinan rakyat akan terhakis.

Penegasan itu disampaikan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal ketika menyampaikan ucapan alu-aluan sempena Sambutan Hari Integriti Peringkat Negeri Kelantan 2025 di Dewan Teratai, pada Selasa.

Menurutnya, setiap penjawat awam wajib memelihara integriti secara konsisten kerana ia merupakan asas sahsiah dalam melaksanakan amanah, mematuhi undang-undang serta memastikan rakyat menerima perkhidmatan terbaik dan bebas daripada salah guna kuasa.

“Tanpa integriti, imej perkhidmatan awam akan tercalar dan kepercayaan rakyat akan terhakis,” tegasnya.

Katanya lagi, kesedaran integriti bermula daripada tindakan ke-



cil yang memberi kesan langsung kepada imej kerajaan. Justeru, keberanian moral untuk menolak, menegur dan melaporkan salah laku merupakan tanggungjawab yang tidak boleh dikompromi.

“Budaya menegur secara berhemah, mematuhi standard profesionalisme dan memikul tanggungjawab terhadap amanah yang diberi perlu diperkasakan. Kita bukan bekerja sekadar untuk makan gaji, tetapi melaksanakan amanah yang akan dipersoalkan kelak,” katananya.

Beliau turut menekankan bahawa era pendigitalan mampu memperkukuh integriti dengan mewujudkan sistem kerja yang telus serta mengurangkan interaksi

manusia dalam proses pentadbiran. Antara inisiatif digital yang diberi penekanan ialah Sistem Hasil Tanah Kelantan (E-SHTK), e-Pelaburan dan e-Aduan, sebagai saluran selamat untuk melaporkan salah laku.

Menurutnya, sistem-sistem berkenaan dapat memastikan urusan lebih mudah dijejaki, meminimumkan risiko salah guna kuasa dan memupuk budaya bertanggungjawab dalam pentadbiran negeri.

Mengulas lanjut, Dato' Dr. Tengku Faziharudean memaklumkan bahawa kerajaan negeri komited memperkukuh tadbir urus melalui pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) 2025–



2029, melibatkan 11 Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ) serta 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pelan itu menggariskan sistem pencegahan rasuah, kawalan dalaman serta pemantauan risiko salah laku sebagai komitmen kolektif meningkatkan ketelusan dan kecekapan pentadbiran negeri.

Beliau juga menyeru semua ketua jabatan memastikan laporan pelaksanaan OACP disediakan dan dikemaskini secara berkala kepada urus setia pemantauan.

“Dengan sokongan penuh penjawat awam, saya yakin pelan ini mampu menjadi pemangkin kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, telus dan berintegriti,” ujarnya.

## MSN Kelantan ambil alih pengurusan Sukan Para, langkah baharu perkasakan pembangunan atlet negeri



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 27 November – Pengurusan Sukan Para kini secara rasmi diserahkan kepada Majlis Sukan Negeri (MSN) Kelantan, selepas mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MSN kali ke-109 memperakukan langkah strategik itu sebagai hala tuju baharu pembangunan sukan negeri.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata penyerahan tersebut menjadi antara agenda terpenting yang dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan kerana ia bakal mewujudkan ekosistem pembangunan atlet para yang lebih tersusun dan profesional.

“Langkah ini penting untuk memastikan pembangunan atlet para

digerakkan melalui struktur pentadbiran yang jelas, latihan yang lebih sistematik serta sokongan teknikal yang lebih terfokus,” katanya menerusi media sosial, semalam.

Beliau turut memaklumkan bahawa mesyuarat tersebut meneliti pelaksanaan inisiatif jabatan angkat bagi setiap sukan di bawah MSN Kelantan, bagi membolehkan setiap bahagian memantau prestasi serta kemajuan sukan tertentu secara lebih dekat termasuk aspek latihan, penyertaan pertandingan dan pembangunan bakat baharu.

Dalam mesyuarat sama, jawatankuasa turut memperhalusi garis panduan insentif pengecualian cukai bagi sumbangan kepada Tabung Sukan Negeri, satu usaha yang dijangka membuka lebih banyak ruang sokongan daripada pelbagai pihak dan mengukuhkan

kapasiti pembiayaan pembangunan sukan negeri.

Laporan penganjuran Temasya Sukan Kelantan 2025 turut dibentangkan untuk menilai kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan bagi memperkemas edisi akan datang.

Zamakhshari merakamkan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa atas komitmen yang diberikan sepanjang mesyuarat.

“Setiap keputusan hari ini memberi kesan langsung terhadap hala tuju sukan negeri. Insya-Allah, kita akan terus memperkukuh ekosistem sukan Kelantan secara berperingkat,” katanya.

Terdahulu, beliau memengerusikan mesyuarat tersebut di Bilik Mesyuarat Majlis Sukan Negeri Kelantan, Telipot, Kota Bharu pada Rabu.



# Ar-Rahn PKB terus jadi tonggak ekonomi ummah

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 23 November – Sistem Ar-Rahn terus membuktikan peranannya sebagai instrumen kewangan Islam yang penting dalam membantu ummah melalui kemudahan pembiayaan segera yang selamat, telus dan bebas riba, kata Pengerusi Permodalan Kelantan Berhad (PKB) YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad Yakob.

Menurutnya yang juga mantan Menteri Besar Kelantan, Ar-Rahn bukan sekadar menawarkan kelengkapan kewangan jangka pendek, malah menjadi pemangkin kemampanan sosioekonomi umat Islam. Katanya, sistem itu turut memperkukuhkan kedudukan kewangan inklusif dalam kerangka institusi kewangan Islam negara.

“Langkah mantan Menteri Besar, Allahyarham Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat memperkenalkan konsep Ar-Rahn pada 1992 terbukti menjadi teras yang merencanakan ekosistem perkhidmatan mikrokredit patuh syariah yang memberi impak besar kepada rakyat. Cawangan pertama Ar-



Rahn PKB dibuka di Jalan Suara Muda, Kota Bharu.”

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan aluan di Majlis Menandatangani Perjanjian Program Terbitan Sukuk Wakalah PKB di sebuah hotel di sini, pada Jumaat.

Tambah YB Dato' Ahmad Yakob, Ar-Rahn yang berkembang menjadi simbol dasar Membangun Bersama Islam menunjukkan kemampuan PKB membina institusi berlandaskan syariah yang kukuh, berkesan dan diyakini masyarakat.

“Alhamdulillah, hari ini setelah 33 tahun, kejayaan penerbitan Sukuk PKB dan Maybank merupakan hasil kesinambungan asas yang dibina generasi terdahulu. Ini membuktikan bahawa prinsip sya-

riah mampu mendepani cabaran moden,” ujarnya.

Penyertaan institusi kewangan besar seperti Maybank juga, katanya, menggambarkan bahawa Kelantan memiliki aset ekonomi kukuh serta potensi pembangunan yang luas, selain menunjukkan keyakinan pelabur terhadap kemampuan PKB mengurus instrumen kewangan syariah secara profesional.

Sehingga kini, PKB menguruskan 34 cawangan Ar-Rahn dengan nilai keseluruhan RM330 juta yang merangkumi Semenanjung Malaysia dan Sabah.

“Insya-Allah, kita akan menambah cawangan Ar-Rahn ke Sarawak dan luar negara mengikut kemampuan dari semasa ke semasa,” katanya.



PKB turut menegaskan komitmennya untuk terus memperkukuh tadbir urus berasaskan syariah, mengembangkan perniagaan mampan serta berisiko rendah demi memajukan sistem pajak gadai Islam di negara ini.

Mengulas mengenai Perjanjian Program Terbitan Sukuk Wakalah PKB, beliau berkata, dengan nilai program sebanyak RM300 juta, dana tersebut akan digunakan untuk membiayai projek-projek strategik termasuk mengembangkan perniagaan Ar-Rahn, pelaburan emas dan inisiatif ekonomi rakyat.

“Dengan adanya platform terbitan Sukuk ini, PKB kini lebih bersedia untuk memainkan peranan sebagai peneraju pelaburan negeri yang lebih kompetitif,” ujarnya.

## Penduduk Pantai Getting, Kampung Geting mula berpindah ke PPS SK Pengkalan Kubor 2



Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 23 November – Penduduk dari Pantai Getting dan Kampung Geting mula dipindah-

kan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SK Pengkalan Kubor 2 susulan hujan berterusan serta peningkatan paras air di beberapa

kawasan.

Menurut Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat, setakat semalam seramai 160 mangsa telah direkodkan berpindah ke PPS tersebut.

Beliau telah turun membuat tinjauan bagi melihat keperluan mangsa serta memastikan operasi berjalan lancar.

“Meninjau keadaan mangsa banjir yang telah berpindah di PPS SK Pengkalan Kubor 2, setakat ini seramai 160 orang telah dipindahkan dan dijangka terus meningkat kerana hujan masih berterusan. Mangsa yang terlibat adalah daripada Kampung Geting dan Pantai Geting,” katanya di laman rasmi semalam.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang

membantu menguruskan proses pemindahan dan pendaftaran mangsa.

“Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat memudahkan urusan pendaftaran hari ini, termasuk daripada Ameerah dan sukarelawan DUN Pengkalan Kubor, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Penggawa dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

“Sumbangan dan kerjasama semua sangat dihargai serta memudahkan proses bagi mangsa banjir,” ujarnya.

Dato' Wan Roslan juga menyeru supaya penduduk di kawasan berisiko agar sentiasa berwaspada dan mematuhi arahan pihak berkuasa jika diarahkan berpindah lebih awal.





Ar-Rahn PKB terus jadi tonggak ekonomi ummah

## Kelantan raikan kecemerlangan atlet muda sekolah agama

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 24 November – Kerajaan Negeri Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan (YIK) meraikan kecemerlangan atlet-atlet muda sekolah agama yang telah mengharumkan nama Kelantan di Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Menengah Agama Malaysia (KES-SUMA), Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah-Sekolah Menengah Agama Malaysia (MIISMAM) dan Mahrajan Memanah Sekolah Menengah Agama (MESMA) 2025.

Majlis Keraian Kontinjen Kelantan Sukan Sekolah-Sekolah Menengah Ugama Malaysia 2025 itu telah dirasmikan oleh Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat, di sini, semalam.

Majlis tersebut bertujuan menghargai kejayaan atlet sekolah agama di bawah YIK yang telah mengharumkan nama negeri dalam pelbagai kategori pertandingan di peringkat kebangsaan.

Dalam ucapannya, Dato' Wan



Roslan menyifatkan pencapaian atlet sebagai bukti komitmen dan disiplin tinggi mereka.

“Tahniah kepada semua atlet daripada Yayasan Islam Kelantan yang terlibat, semoga terus maju jaya. Semoga pencapaian ini menjadi inspirasi untuk terus cemerlang dalam sukan, ilmu dan sahsiah, ser-

ta memperoleh keberkatan Allah SWT,” kata beliau menerusi laman rasminya, semalam.

Selain menyantuni para atlet, jurulatih dan pengurus pasukan, YB Dato' Wan Roslan turut menyampaikan sumbangan insentif kepada pasukan terbaik daripada ketiga-tiga kejohanan sebagai tanda peng-



hargaan kerajaan negeri terhadap usaha gigih mereka.

Sebagai rekod, kontinjen Kelantan telah membawa pulang tiga perak dan lima gangsa bagi MESMA, tiga perak dan dua gangsa bagi MIISMAM serta dua perak dan empat gangsa bagi kejohanan KESSUMA.

## Kelantan pertingkatkan pemantauan banjir bersama JPS



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 27 November 2025 – Kerajaan Negeri Kelantan melalui Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr. Izani Husin menekankan kepentingan pemantauan rapi paras air sungai

dan sistem saliran oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri bagi menghadapi musim tengkujuh.

Beliau menjelaskan, JPS Negeri Kelantan memikul peranan kritikal dalam memastikan keselamatan rakyat dengan memantau paras sungai, saliran air dan tebatan ban-



dir di kawasan berisiko.

“Setiap kali musim tengkujuh datang, JPS Negeri Kelantan akan menjadi salah satu agensi paling kritikal. Paras sungai, saliran air, tebatan banjir dan sebagainya menjadi seliaan dan tanggungjawab mereka,” katanya di laman rasmi pada Selasa.

Beliau telah mengadakan perbincangan bersama Timbalan Exco YB Saizol Ismail dan Pengarah JPS Kelantan YBrs. Ir. Ts. Gs. Dr. Siti Fairus bagi meneliti perkembangan terkini isu banjir di negeri ini bagi memastikan langkah pencegahan dan kesiapsiagaan dilaksanakan dengan berkesan.

Dato' Dr. Izani turut menasihati rakyat supaya sentiasa berhati-hati, terutama golongan muda, dan tidak mengambil risiko bermain di kawasan banjir.

“Saya memohon supaya seluruh rakyat berhati-hati di waktu ini. Kelihatan video anak-anak bermain air banjir tapi sentiasalah jaga diri. Jangan sehingga kegirangan bertukar tangisan. Jaga diri dan komuniti,” ujarnya.